

Mentoring masjid-surau: Pengimarahkan surau-surau qariah

(Mentoring mosque and suraus: Prospering the qariah suraus)

***Mohamad Sofuan Mohamad Saleh¹**

¹Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Pengurusan, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

*Corresponding Author: Mohamad Sofuan Bin Mohamad Saleh (msofuan@uis.edu.my)

Received: Dec 16, 2025

Accepted: June 26, 2026

Online Published: June 30, 2026

ABSTRAK

Mentoring masjid-surau merupakan inisiatif pihak masjid turun ke bawah membimbing pihak surau-surau di dalam qariah masjid melalui khidmat nasihat dan tunjuk ajar berkaitan amalan tadbir urus surau yang baik, program dan aktiviti kemasyarakatan serta usaha-usaha lain yang wajar untuk membantu mengimarahkan surau-surau tersebut. Ianya menjurus kepada bimbingan yang merangkumi perkara-perkara berkaitan tata-cara kesetiausahaan, pengurusan kewangan, kuliah ilmu serta program dakwah dan aktiviti kemasyarakatan. Kajian ini merupakan kajian konseptual berkaitan peranan program mentoring masjid-surau sebagai suatu daya usaha membimbing dan membantu mengimarahkan surau-surau di qariah masjid tersebut. Kajian ini dijalankan melalui kaedah kajian keperpustakaan dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan mentoring. Natijah kajian ini menunjukkan bahawa program mentoring masjid-surau adalah signifikan dalam memakmurkan surau-surau dengan amalan ibadah, program dakwah serta aktiviti kemasyarakatan yang bermanfaat kepada masyarakat. Kesimpulan kajian ini menunjukkan pentingnya program mentoring masjid-surau dalam usaha mengimarahkan surau-surau.

Kata kunci: Mentoring, masjid, surau, pengimarahkan, masyarakat.

ABSTRACT

Mosque-surau mentoring is an initiative of the mosque to guide the suraus in the mosque qariah through advisory and teaching services related to good surau governance practices, community programs and activities, and other appropriate efforts to help improve the suraus. It leads to guidance that includes matters related to governance procedures, financial management, knowledge lectures, and da'wah programs and community activities. This study is a conceptual study related to the role of the mosque-surau mentoring program as an effort to guide and help improve the suraus in the mosque qariah. This study was conducted through the library research method by referring to previous studies related to mentoring. The results of this study show that the mosque-surau mentoring program is significant in enriching the suraus with worship practices, da'wah programs, and community activities that are beneficial

to the community. The conclusion of this study shows the importance of the mosque-surau mentoring program in the effort to improve the suraus.

Keywords: *Mentoring, mosque, surau, prospering, society.*

PENDAHULUAN

Mentoring merupakan inisiatif yang dilakukan oleh sesuatu pihak yang lebih berjaya dalam membimbing pihak-pihak lain ke arah mencapai kejayaan serta kecemerlangan. Lantaran itu, mentoring merupakan suatu proses bantuan yang diberikan dalam bentuk bimbingan berterusan daripada seseorang atau suatu pihak (mentor) untuk mengembangkan potensi diri seseorang atau suatu pihak lain (mentee). Konsep mentoring adalah selaras dengan firman Allah SWT di dalam al-Quran yang berbunyi;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Mafhumnya; “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).” (Surah al-Ma’idah, ayat 2).

Begitu juga, nabi SAW amat menggalakan tolong-menolong di mana mafhum hadisnya; “Manusia yang paling dicintai oleh Allah adalah manusia yang paling banyak bermanfaat dan berguna bagi manusia yang lain. Sedangkan perbuatan yang paling dicintai Allah adalah memberikan kegembiraan kepada orang lain atau menghapus kesusahan orang lain, atau melunasi hutang orang yang tidak mampu untuk membayarnya, atau memberi makan kepada mereka yang sedang kelaparan dan jika seseorang itu berjalan untuk menolong orang yang sedang kesusahan itu lebih aku sukai daripada beri’tikaf di masjidku ini selama satu bulan.” (Hadis Riwayat Thabrani).

Justeru, mentoring merupakan inisiatif yang dilakukan oleh sesuatu pihak yang lebih berjaya dalam membimbing pihak-pihak lain ke arah mencapai kejayaan serta kecemerlangan. Proses mentoring tersebut pada kebiasaannya akan melibatkan dua pihak, iaitu mentor dan mentee (Hansen, et al., 2025). Mentor merupakan pihak yang memberikan bantuan dalam bentuk bimbingan. Mentor boleh terdiri dari individu atau organisasi (institusi) yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam memberi pertolongan, bantuan, bimbingan atau khidmat nasihat kepada mentee. Manakala mentee pula ialah pihak yang menerima bantuan bimbingan atau khidmat nasihat daripada mentor tersebut. Mentee boleh terdiri dari individu atau organisasi (institusi). Dalam proses mentoring, mentor terdiri dari satu individu atau satu organisasi (institusi). Manakala mentee pula boleh melibatkan satu atau beberapa individu serta organisasi (institusi) (Jacqueline, et al., 2023). Mentoring masjid-surau dalam pengimarah surau-surau qariah merupakan proses mentoring di antara satu organisasi (institusi masjid) dengan beberapa organisasi (institusi surau-surau).

Program mentoring boleh dilaksanakan melalui kaedah formal; program mentoring secara formal, atau kaedah informal; program mentoring secara tidak formal (Nurdin, 2025). Program mentoring secara formal mempunyai struktur mentoring yang lebih sistematik dari segi kandungannya dan dilaksanakan secara rasmi dalam selang masa yang konsisten. Di samping itu, hubungan di antara mentor dan mentee adalah terikat secara rasmi melalui

peraturan atau ketetapan yang jelas dan dipersetujui bersama (Fildzah & Makrufi, 2024). Oleh yang demikian, terdapat akauntabiliti yang mengikat secara kukuh di antara mentor dan mentee untuk mematuhi peraturan dan ketetapan yang dipersetujui bersama secara professional ketika pelaksanaan program mentoring. Manakala mentoring tidak formal pada kebiasaannya tidak mempunyai struktur mentoring yang sistematik dari segi kandungannya dan dilaksanakan secara tidak rasmi dalam selang masa yang tidak konsisten (Kyle, et al., 2023). Oleh itu, secara rasminya tiada hubungan yang mengikat di antara mentor dan mentee melalui peraturan yang jelas.

Di samping itu, mentoring boleh dipraktikkan kepada seorang individu sebagai mentee; mentoring individu, beberapa individu sebagai mentee; mentoring kumpulan dan organisasi sebagai mentee; mentoring organisasi (Laura, 2020). Mentoring individu melibatkan seorang mentor dengan hanya seorang mentee sahaja. Mentor akan lebih mudah dan fokus untuk memantau perkembangan potensi diri menteenya. Mentoring kumpulan pula, menteenya terdiri daripada lebih seorang individu di dalam satu kumpulan yang diselia oleh seorang mentor. Kaedah mentoring kumpulan biasanya diamalkan di sekolah atau universiti. Seorang guru atau seorang pensyarah akan menjadi mentor kepada beberapa orang pelajar sebagai menteenya. Manakala mentoring organisasi merupakan situasi di mana mentornya ialah sebuah organisasi atau institusi dan mentee juga ialah sebuah organisasi atau institusi. Pada kebiasaannya, organisasi atau institusi yang telah berjaya akan menjadi mentor kepada organisasi atau institusi yang kurang Berjaya (Hadi, 2024).

Walaupun bagaimanapun, samada program mentor-mentee itu diperkenalkan dan dijalankan secara formal atau tidak formal, mentoring individu, mentoring kumpulan atau mentoring organisasi, objektifnya adalah tetap sama iaitu membantu dan membimbing mentee untuk mencapai potensi diri mentee tersebut (Mullen & Klimaitis, 2021). Aktiviti mentoring akan sentiasa memberikan galakan, panduan, bimbingan dan sokongan emosi kepada mentee dalam merealisasikan potensi diri mereka secara maksima.

MENTORING MASJID-SURAU

Objektif utama mentoring ialah pelaksanaan aktiviti atau program yang dijalankan oleh mentor dalam usaha untuk membantu mentee menjadi lebih baik, berjaya, efektif dan efisien melalui bimbingan yang sesuai secara berkala dan berterusan. Bimbingan yang bersifat membantu adalah untuk menambah-baikkan lagi mentee sama ada dalam konteks pembentukan kerjaya, pendidikan, kerohanian, kesihatan mental dan dalam apa jua aspek-aspek pembangunan diri (Maunula, et al., 2025). Ini adalah kerana melalui proses memberi khidmat membantu dan membimbing, mentor yang berpengalaman dan mempunyai pengetahuan yang lebih luas akan bertindak sebagai pembimbing, rakan dan guru kepada mentee. Dalam erti kata lain, tujuan mentoring adalah untuk membolehkan mentee mendapat bimbingan yang betul dan berkesan dari mentor yang lebih berpengalaman tentang misi dan objektif organisasi demi untuk meningkatkan kualiti kerja dan imej organisasi yang berkenaan.

Sayugia, program mentoring adalah selari dengan konsep taawun; bantu-membantu ke arah kebaikan dan hadis nabi yang bermaksud; *“Barangsiapa yang membantu seorang Muslim (dalam) suatu kesusahan di dunia maka Allah akan membantunya dalam kesusahan pada hari kiamat, dan barangsiapa yang meringankan (beban) seorang Muslim yang sedang kesulitan maka Allah akan meringankan (bebannya) di dunia dan akhirat.”* (Hadis Riwayat Muslim, 2699). Serta; *“Orang-orang mukmin dengan orang mukmin yang lain adalah seperti struktur binaan yang saling menguatkan antara satu sama lain.”*(Hadis Riwayat Muslim). Justerus,

program mentor-mentee mempunyai objektif yang tertentu dalam jangka masa yang telah ditetapkan serta sistem pencapaian dan penilaian yang telah disusun untuk melihat keberkesanan program mentoring yang berkenaan.

Justeru, mentoring masjid-surau merupakan istilah yang merujuk kepada keadaan di mana masjid qariah atau masjid jamik di sesuatu tempat, turun padang membimbing dan membantu membangunkan serta menghidupkan; mengimarahkan dan memakmurkan surau-surau yang berada di dalam qariah masjid tersebut. Mentoring masjid-surau boleh dianggap sebagai salah satu program khidmat sosial masjid qariah yang amat dituntut untuk dilaksanakan. Masjid qariah perlu menjadikan mentoring masjid-surau sebagai satu daripada agenda aktiviti masjid.

Pada kebiasaannya, di sesuatu kawasan qariah masjid akan terdapat beberapa buah surau. Bilangan surau-surau tersebut bergantung kepada keluasan kawasan qariah masjid tersebut. Secara umumnya terdapat sejumlah lima hingga lapan buah atau lebih surau di dalam qariah sesebuah masjid. Masjid qariah tersebut adalah bertanggung jawab membantu dan membimbing ke atas pengimarahkan surau-surau tersebut. Pihak masjid qariah, secara kebertanggung-jawabannya, tidak boleh mengambil mudah dan bersikap berlepas tangan dengan membiarkan tanpa menghiraukan keadaan pengimarahkan surau-surau yang terdapat di dalam qariah masjid tersebut, terutamanya surau-surau yang berada jauh daripada masjid.

Lantaran itu, tujuan utama program mentoring masjid-surau ialah untuk membantu dan membimbing yang dilaksanakan oleh masjid qariah kepada surau-surau di dalam qariah masjid melalui aktiviti-aktiviti serta program-program yang bersesuaian, dalam usaha untuk mengimarahkan dan memakmurkan surau-surau tersebut. Manakala program dan aktiviti mentoring masjid-surau akan dijalankan secara berkala dan berterusan. Ianya bukan program dan aktiviti mentoring yang dijalankan secara sekali sahaja (*one off*).

Oleh yang demikian, mentoring masjid-surau merupakan konsep *taawwun*; bantu-membantu dalam mengimarah dan memakmurkan surau-surau, terutamanya surau-surau yang kurang makmur pengimarahannya. Setiap surau mempunyai potensi yang amat baik untuk dibimbing pengimarahannya supaya menjadi lebih makmur pada setiap masa. Surau-surau yang makmur dengan amalan agama, program dakwah dan aktiviti kemasyarakatan, akhirnya akan juga menyumbang kepada pengimarahkan dan kemakmuran sesebuah qariah masjid.

KAEDAH MENTORING MASJID-SURAU

Mentoring masjid-surau dalam pengimarahkan surau-surau qariah lebih sesuai dijalankan melalui kaedah mentoring formal berbanding mentoring tidak formal. Ini adalah kerana program mentoring secara formal mempunyai struktur mentoring yang lebih teratur, sistematik dari segi kandungannya dan dilaksanakan secara rasmi dalam selang masa yang konsisten (Suid, et al., 2025). Di samping itu, hubungan di antara mentor dan mentee adalah terikat secara rasmi melalui peraturan atau ketetapan yang jelas dan dipersetujui bersama. Oleh yang demikian, terdapat akauntabiliti yang mengikat di antara mentor dan mentee untuk mematuhi peraturan dan ketetapan tersebut secara professional ketika pelaksanaan program mentoring secara formal (Murray & Christison, 2023). Mentoring masjid-surau secara formal merupakan program mentoring diperkenalkan dan dipraktikkan oleh organisasi masjid yang lebih maju dan teguh kepada surau-surau qariah yang kurang maju.

Sebagai contoh, seorang pengerusi masjid yang lebih berpengalaman dalam tadbir urus masjid boleh menjadi mentor kepada pengerusi surau sebagai menteenya. Melalui mentoring

tersebut, pengerusi surau akan dibantu dan dibimbing oleh mentornya dalam melaksanakan tugas dan tanggung jawabnya dalam mentadbir dan mengurus surau dengan lebih baik. Di samping itu, bendahari masjid boleh bertindak sebagai mentor kepada bendahari surau. Bendahari masjid boleh membantu bendahari surau berkaitan amalan tadbir urus kewangan surau yang baik. Bendahari masjid juga boleh memberi pendedahan berkaitan aktiviti atau projek atau kegiatan ekonomi yang boleh diceburi dalam menjana sumber kewangan surau. Selain itu, setiausaha masjid pula boleh menjadi mentor kepada setiausaha surau. Setiausaha masjid boleh membantu setiausaha surau berkaitan tugas-tugas tadbir urus kesetiausahaan surau yang baik dan komprehensif.

Manakala ahli jawatankuasa masjid yang terdiri daripada ketua-ketua biro masjid boleh menjadi mentor kepada ahli jawatankuasa surau. Ahli jawatankuasa masjid yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam usaha-usaha mereka mengimarahkan dan memakmurkan masjid adalah sangat membantu ahli jawatankuasa surau untuk memakmurkan dan mengimarahkan surau. Contohnya, ketua biro dakwah masjid boleh membantu dan membimbing ketua jawatankuasa dakwah surau berkaitan bidang tugas berkaitan dakwah. Begitu juga dengan ketua-ketua biro yang lain, boleh membantu ahli jawatankuasa surau yang lain juga mengikut portfolio masing-masing. Ianya agar pencapaian prestasi hasil kerja ahli jawatankuasa surau yang efektif dan efisien dapat diperolehi. Ahli jawatankuasa surau akan didedahkan bukan sahaja tentang cara atau kaedah tadbir urus surau yang baik, tetapi secara keseluruhannya juga akan dibimbing berkaitan tanggung jawab sebagai seorang ketua jawatankuasa surau yang cemerlang.

Sayugia, dalam situasi sedemikian, pelaksanaan mentoring masjid-surau secara formal untuk pengimarahkan surau-surau qariah adalah lebih sesuai. Manakala mentoring secara tidak formal masjid-surau untuk pengimarahkan surau-surau qariah adalah tidak sesuai. Ianya kerana mentoring tidak formal adalah kurang tersusun dari segi kandungannya serta kurang konsisten dalam selang masa tempuh pelaksanaan mentoring tersebut. Di samping itu juga, mentoring tidak formal tidak mempunyai struktur mentoring yang *sistematik*.

AKTIVITI MENTORING MASJID-SURAU

Terdapat banyak aktiviti dan program yang boleh dilaksanakan dalam menjalankan aktiviti mentoring masjid-surau. Di antaranya, pihak masjid boleh memberi mentoring; bantuan dan bimbingan berkaitan tadbir urus pengurusan surau yang baik, pengurusan perakaunan dan kewangan surau, aktiviti dakwah surau, program kemasyarakatan surau, pembangunan infra-struktur dan keceriaan surau, tunjuk-ajar berkaitan teknologi informasi dan komunikasi serta media sosial semasa serta apa juga bimbingan yang bersesuaian dengan usaha memakmurkan sesebuah surau. Pihak masjid qariah perlulah terlebih dahulu menjalin hubungan yang baik dan akrab dengan surau-surau qariah supaya dapat memberi natijah yang baik kepada surau-surau dalam program mentoring masjid-surau.

Mentoring tadbir urus kesetiausahaan (*secretarial governance*) surau

Mentoring tadbir urus kesetiausahaan adalah berkaitan bagaimana mentor membimbing menteenya dalam pentadbiran dan pengurusan (tadbir urus) kesetiausahaan sesebuah organisasi atau institusi (Steeple, 2024). Pihak masjid boleh membantu dan membimbing dalam pelbagai perkara serta hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan (tadbir urus) kesetiausahaan (*secretarial governance*) surau. Peranan membantu dan membimbing ini boleh dimainkan oleh setiausaha masjid (Asdianur, et al., 2025). Sebagai

contoh, bimbingan pengurusan dan pentadbiran pemfailan dokumentasi surau. Pihak surau akan didedahkan berkenaan tuntutan untuk memiliki fail-fail yang bersesuaian bagi semua perkara yang berkaitan surau. Penekanan akan diberikan berkenaan keperluan kepada fail-fail yang lengkap dengan dokumentasi yang sewajarnya, kerana ianya merupakan sebahagian daripada tadbir urus kesetiausahaan surau yang baik (Taylor, 2018). Setiausaha masjid sebagai mentor akan mendorong setiausaha surau sebagai mentee sentiasa memastikan semua maklumat dan dokumentasi adalah difailkan dengan teratur dan lengkap. Oleh itu, tanpa sistem pemfailan yang baik dan lengkap, maka belum wujud lagi amalan tadbir urus kesetiausahaan yang baik di surau tersebut.

Di samping itu juga, setiausaha masjid boleh memberi bimbingan dan panduan berkenaan pengurusan mesyuarat, samada mesyuarat bulanan atau mesyuarat agung tahunan surau. Mesyuarat merupakan saluran komunikasi yang penting dalam organisasi sesebuah surau. Kaedah serta cara yang betul dan berkesan untuk setiausaha surau mengambil dan menyediakan minit mesyuarat berkualiti akan dibantu dan dibimbing oleh setiausaha masjid. Dengan yang demikian, setiausaha surau secara tidak langsung ditekankan berkenaan pentingnya minit mesyuarat sebagai bahan bukti perbincangan mesyuarat, untuk maklumbalas, tindakan susulan dan perkembangan berkaitan keputusan mesyuarat bagi memastikan segala keputusan mesyuarat dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu, minit mesyuarat yang baik dapat mengelakan perselisihan, salah faham atau perbalahan di kalangan ahli jawatankuasa surau pada masa kemudian.

Tambahan juga, setiausaha masjid dibantu oleh pengerusi masjid boleh memberi bimbingan dalam pengurusan sumber insan AJK surau serta AJK kecil surau yang berkesan. Ianya adalah kerana di dalam setiap jawatankuasa ada jawatankuasa kecil surau yang juga perlu diberi perhatian oleh pihak masjid. Pengerusi dan setiausaha masjid boleh membantu melalui inisiatif dan usaha-usaha pembangunan kemahiran AJK serta AJK kecil dalam organisasi surau supaya mereka menjadi AJK yang berkebolehan (*competence*) berkaitan bidang tugas jawatankuasa masing-masing. Sebagai mentor, pengerusi dan setiausaha masjid juga dari masa ke semasa perlu sentiasa memantau secara berterusan tahap *competency* serta prestasi semua AJK surau. Rentetan daripada itu, AJK surau dapat memainkan peranan mereka dengan lebih cekap dan berkesan (*effective and efficient*) dalam proses memakmurkan dan mengimarahkan surau mereka.

Mentoring tadbir urus perakaunan dan kewangan (*accounting & finance governance*) surau.

Mentoring tadbir urus perakaunan dan kewangan adalah bagaimana mentor membimbing menteenya berkaitan mentadbir dan mengurus perakaunan dan kewangan sesebuah organisasi atau institusi (Yani, et al., 2024). Bendahari masjid pula boleh menjadi mentor kepada bendahari surau sebagai mentee dalam mentadbir dan mengurus perakaunan dan kewangan surau yang baik. Setiap surau pada kebiasaannya mempunyai penerimaan wang dan juga pembayaran untuk perbelanjaannya. Sumber utama penerimaan wang; pendapatan surau, pada asasnya ialah derma atau infaq yang diperolehi daripada jemaah surau. Manakala pembayaran surau pula menjurus kepada perbelanjaan-perbelanjaan operasi surau. Sebagai contoh, perbelanjaan utama surau ialah bil utiliti bulanan; eletrik dan air, saguhati penceramah, penyelenggaraan surau, bantuan kemasyarakatan dan persegaran untuk jamuan majlis ilmu atau sempena acara-acara tertentu yang dianjurkan surau. Setiap bulan, pihak

surau sudah pasti akan terlibat dengan penerimaan-penerimaan dan pembayaran-pembayaran tersebut.

Perakaunan merupakan satu sistem di mana setiap penerimaan yang diterima dan pembayaran yang dibuat oleh sesuatu pihak hendaklah dicatatkan atau direkodkan dengan lengkap samada menggunakan buku rekod wang keluar masuk atau computer (Hisham & Ab Wahid, 2024). Perakaunan amat penting kepada setiap organisasi atau institusi untuk mengelakan berlakunya sebarang kesilapan, penipuan atau penyelewengan kewangan (Jennifer, et al., 2025). Perakaunan surau pada asasnya merupakan kerja-kerja merekodkan atau mencatat ke dalam akaun-akaun yang bersesuaian pada setiap bulan semua penerimaan wang dan juga pembayaran perbelanjaan surau atau sebarang pengeluaran wang surau. Akaun tersebut ialah akaun pendapatan surau, akaun perbelanjaan surau, akaun aset surau dan akaun liabiliti surau (sekiranya ada). Akaun-akaun tersebut kemudiannya akan digunakan untuk menghasilkan penyata kewangan yang akan melapurkan secara terperinci keadaan serta kedudukan kewangan bulanan surau. Akumulasi akaun dan penyata kewangan bulan surau selama dua belas bulan (setahun) pula akan menghasilkan lapuran kewangan tahunan surau.

Manakala pengurusan kewangan surau pula ialah berkaitan kerja-kerja merancang dan mengawal penggunaan wang; derma atau infaq yang diterima daripada jemaah surau untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan serta aktiviti-aktiviti surau. Pengurusan kewangan surau perlu dibuat dengan sebaiknya untuk mengelakan daripada berlakunya defisit kewangan surau; jumlah perbelanjaan lebih besar daripada pendapatan. Oleh yang demikian, bendahari surau perlu memastikan kewangan surau sentiasa diurus dengan baik. Melalui pengurusan kewangan yang baik, pihak surau akan melaksanakan penggunaan kewangan surau secara berhemah. Ianya adalah kerana pengurusan kewangan yang baik memastikan pihak surau menggunakan sumber kewangan secara bertanggungjawab serta memberi prioriti kepada perkara-perkara yang utama berbanding keperluan yang kurang penting dalam penggunaan kewangan.

Strategi untuk meningkatkan sumber kewangan surau melalui pelbagai punca ekonomi juga perlu didedahkan oleh pihak masjid kepada surau. Antara lain ialah aktiviti pertanian, aktiviti perikanan, aktiviti penternakan dan sebagainya yang boleh disesuaikan dengan mengambil kira kawasan serta kesesuaian persekitaran sesebuah surau. Jenis-jenis pertanian, perikanan atau penternakan yang bersesuaian boleh dibincangkan dengan lebih terperinci dengan pihak surau. Sewaan juga boleh menjadi sumber ekonmi sesebuah surau. Pihak surau yang mempunyai tanah, boleh menyewakan tanah tersebut kepada pihak-pihak yang berminat untuk mengusahakan tanah tersebut. Pihak surau juga boleh menyewakna tanah yang dimiliki dalam bentuk tapak-tapak premis perniagaan. Manakala surau yang mempunyai tanah dan kewangan yang baik, boleh membina premis dan menyewakan premis tersebut.

Surau yang mempunyai sumber kewangan yang besar dan kukuh, mampu menjadi aktif untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti yang bermanfaat kepada ahli jamaah surau. Ianya mampu menyumbang impak positif yang lebih besar kepada masyarakat. Surau yang aktif dalam penganjuran aktiviti kemasyarakatannya adalah sangat baik dalam usaha mengimarahkan dan memakmurkan surau tersebut. Namun, perlu dipastikan oleh masjid sebagai mentor, bahawa surau-surau tersebut sebagai mentee adalah mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti perekonomian tersebut. Justeru, pengurusan kewangan yang baik boleh membantu pihak surau menghadapi cabaran kewangan dengan berkesan dalam mencapai matlamat kewangan yang telah ditetapkan.

Bendahari surau juga perlu dibimbing berkenaan pengauditan akaun dan penyata kewangan serta pelaporan penyata kewangan kepada ahli qariah surau. Pengauditan akaun dan penyata kewangan surau perlu dilakukan oleh pemeriksa kira-kira atau juru audit yang berkeelayakan. Pengauditan akan memastikan akaun dan penyata kewangan yang disediakan oleh bendahari surau adalah betul dan bebas dari kesilapan, penipuan serta penyelewengan (*free from error and fraud*). Akaun dan penyata kewangan yang tidak diaudit adalah tidak mempunyai kualiti dan sentiasa boleh dipersoalkan oleh banyak pihak. Sebaliknya, akaun dan penyata kewangan yang diaudit akan meningkatkan tahap kualiti; kredibiliti, reliabiliti dan ketelusan akaun dan penyata kewangan surau tersebut.

Akhirnya, bendahari surau juga perlu dimaklumkan bahawa penyata kewangan surau yang telah diaudit perlulah dilaporkan kepada ahli jamaah surau. Penyata kewangan surau yang menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan surau perlu didedahkan kepada ahli jamaah surau di papan kenyataan surau serta dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan surau. Bendahari surau perlu memberi penjelasan sekiranya terdapat persoalan berkaitan kewangan surau semasa mesyuarat agung tahunan surau. Akhirnya, bimbingan bendahari masjid akan meningkatkan kebertanggung-jawaban dan jati diri (*accountability and integrity*) bendahari surau dalam mentadbir dan mengurus perakaunan dan kewangan surau.

Mentoring tadbir urus aktiviti dan program dakwah (*dakwah activities and programs governance*) surau

Mentoring tadbir urus aktiviti dan program dakwah adalah bagaimana mentor membimbing menteenya berkaitan mentadbir dan mengurus aktiviti dan program dakwah (Azarudin, et al., 2019). Ketua biro atau ketua jawatankuasa dakwah masjid boleh menjadi mentor dengan membimbing ketua biro dan jawatankuasa dakwah surau sebagai mentee, untuk merancang dan mengendalikan program dan aktiviti dakwah surau dengan lebih berkesan secara mingguan dan bulanan. Surau juga perlu dimajukan untuk menjadi sebagai pusat dakwah yang cemerlang kepada jemaah dan ahli qariahnya melalui program-program pemerkasaan dan penyebaran ilmu sepertimana di masjid. Jawatankuasa dakwah adalah bertanggung jawab untuk menganjurkan program dakwah seperti kuliah agama, kelas tajwid belajar mengaji al-Quran, program tahsinul solat, kelas tahsinul ibadah, kelas belajar pengurusan jemaah, qiamullail dan lain-lain program penghayatan dan pemahaman Islam.

Mentor boleh membimbing surau sebagai mentee dalam merencanakan penentuan skop ceramah dan penceramah berkaitan pelbagai bidang ilmu, seperti tauhid (aqidah), feqah (ibadah), tasawuf, sirah nabawiah, muamalat, munakahat dan sebagainya. Penceramah yang baik dan mudah diterima ramai dapat menyampaikan ajaran Islam dengan baik kerana mudah diterima oleh para jemaah. Ianya merupakan usaha-usaha yang efektif dalam menjana pembentukan sahsiah melalui penerapan nilai-nilai murni berteraskan ajaran yang terkandung di dalam al-Quran dan as-Sunnah. Justeru hasrat untuk memupuk sifat mahmudah dan meninggalkan sifat mazmumah dalam membina karakter jemaah surau sebagai ahli ibadah, insan berilmu dan berkepimpinan akan mudah tercapai.

Selain itu, pembangunan insan yang kamil kepada masyarakat jemaah surau boleh dibimbing melalui penganjuran aktiviti dan program dakwah di surau seperti;

- mengadakan kelas belajar bahasa arab, untuk memudahkan pemahaman maksud bacaan dalam solat dan juga memahami maksud ayat-ayat al-Quran yang dibaca.

- menubuhkan kumpulan nasyid remaja, di mana tujuan utamanya ialah untuk menarik lebih ramai golongan remaja sebagai pelapis generasi akan datang hadir ke surau.
- menganjurkan ceramah motivasi dari masa ke semasa dalam menghadapi cabaran kehidupan di dunia yang semakin mencabar dewasa ini. Agar masyarakat jemaah surau dapat menghadapi setiap cabaran kehidupan dengan tenang dan sabar, mendorong masyarakat menjadi insan yang sentiasa cemerlang dalam setiap bidang kehidupan yang diceburi, sentiasa berada dalam keredhaan Allah swt dan seterusnya hamba Allah yang berjaya dunia akhirat.
- menjalankan ceramah kesihatan untuk memberi pendedahan dalam membantu masyarakat sentiasa sihat berkaitan dengan pengamalan gaya hidup yang baik. Program tersebut boleh disampaikan oleh pihak jabatan kesihatan.
- mengadakan ceramah berkaitan keselamatan dan jenayah, celik penipuan *scammer* siber atau fizikal, penyalah-gunaan dadah dan sebagainya. Pihak-pihak berkuasa yang berkaitan boleh dijemput untuk memberi taklimat dan penjelasan untuk mengelakan masyarakat surau daripada terjebak menjadi magsa jenayah-jenayah tersebut.

Mentoring tadbir urus aktiviti dan program kemasyarakatan (*social activities govertnance*) surau

Mentoring tadbir urus aktiviti dan program kemasyarakatan adalah bagaimana mentor membimbing menteenya berkaitan mentadbir dan mengurus aktiviti dan program kemasyarakatan (Crespi, et al., 2025). Ketua biro atau ketua jawatankuasa aktiviti sosial dan kemasyarakatan masjid boleh menjadi mentor dengan membimbing ketua biro dan jawatankuasa sosial dan kemasyarakatan surau sebagai mentee, untuk merancang dan mengendalikan program dan aktiviti sosial dan kemasyarakatan surau dengan lebih berkesan secara berkala. Ianya merupakan penganjuran program sosial ke arah pembangunan insan dan masyarakat yang mentaati suruhan agama melalui aktiviti luar (*out door*) surau. Aktiviti *out door* yang dijalankan di surau merupakan salah satu cara dakwah untuk menarik minat dan mendekatkan diri masyarakat kepada surau, di samping menyampaikan ilmu serta mendedahkan kefahaman Islam kepada mereka (Sabila, et al., 2025).

Contoh-contoh aktiviti luar (*out door*) surau ialah seperti aktiviti riadah (sukan) dan rekreasi seperti badminton, ping pong, bola sepak, *street soccer* atau *footsal*. Selain itu, aktiviti *out door* ialah gotong-royong kebersihan dan keceriaan kampung, program prihatin khidmat ummah, ziarah kasih ramah mesra ukhuwah qariah, gotong-royong kebersihan dan keceriaan kampung. Tambahan juga, aktiviti *out door* ialah program ibadah korban, bubur lambuk, program cakna kebersihan dan kesihatan, aktiviti kitar semula dan pencegahan pencemaran alam sekitar dan program mencuci masjid. Begitu juga, aktiviti *out door* ialah perkhemahan, relah dan khemah ibadah, memanah, seni mempertahankan diri, bengkel akademik, fotografi dan kem motivasi (Parsloe, 2024). Bahkan lebih jauh daripada itu, apabila aktiviti *out door* boleh melangkaui kepada aktiviti seperti *jungle tracking*, *team building*, berkayak, ekspedisi mendaki bukit dan gunung, khidmat ummah masyarakat muallaf orang asli, ziarah mahabbah ke rumah kebajikan dan anak yatim.

Secara khususnya, aktiviti *out door* yang dibimbing oleh mentor yang berpengalaman daripada pihak masjid akan dapat memberi banyak manfaat kepada surau, antaranya;

- menghubungkan dan merapatkan ukhuwah dan silaturahim di kalangan setiap lapisan masyarakat jemaah surau.

- melahirkan sikap kerjasama, memupuk semangat kerja berpasukan, membina semangat toleransi dan perpaduan yang seterusnya menjamin kesejahteraan dan keselamatan penduduk di sesebuah qariah surau.
- mendedahkan tentang keutamaan semasa melakukan sebarang aktiviti atau pekerjaan, sentiasa dalam keadaan menutup aurat, mematuhi dan menjaga had batas pergaulan di antara lelaki dan perempuan serta keutamaan menunaikan perintah tuhan; solat, setiap kali apabila sudah masuk waktunya.

Natijah daripada aktiviti *out door* yang dijalankan secara berkala dan berterusan tersebut akan dapat melahirkan masyarakat muslim yang yg solat, membaca al-quran serta mentaati perintah Allah dengan melaksanakan amal ibadah yang konsisten, berakhlak mulia dengan mengamalkan sifat-sifat *mahmudah* dalam kehidupan serta mempunyai jati diri yang tinggi terhadap perkara-perkara yang dilarang agama; menjauhi sifat-sifat *mazmumah* dan perkara-perkara maksiat. Di antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh pihak surau untuk menjalankan aktiviti *out door* secara berkala dan berterusan ialah cabaran sumber kewangan, cabaran tenaga penggerak, cabaran penambah-baikkan metodologi dan pengisian aktiviti yang terkini, cabaran penyertaan oleh masyarakat setempat serta cabaran daripada aktiviti bukan surau. Justeru, pihak masjid sebagai mentor perlu sebaiknya membantu dan membimbing pihak surau untuk mengatasi cabaran dan permasalahan tersebut dalam merealisasikan program mentoring masjid surau.

Mentoring tadbir urus pembangunan dan pengurusan infra-struktur (*infra structure development governance*) surau

Ketua biro atau ketua jawatankuasa pembangunan dan pengurusan infra-struktur masjid boleh menjadi mentor dengan membimbing ketua biro dan jawatankuasa pembangunan dan pengurusan infra-struktur surau sebagai menteenya, untuk merancang dan mengendalikan program dan aktiviti pembangunan dan pengurusan infra-struktur surau supaya menjadi lebih baik dan berkesan. Setiap surau perlu kepada infra-struktur yang baik dan berkesan untuk memastikan keselesaan jemaahnya ketika beribadah. Justeru, pada setiap masa, pembangunan dan pengurusan infra-struktur surau perlu ditangani secara sebaik mungkin oleh jawatankuasa pembangunan dan pengurusan infra-struktur dan surau.

Pembangunan infra-struktur melibatkan pengurusan prasarana yang terdiri daripada bangunan premis, peralatan dan kelengkapan surau serta penyelenggaraannya (Weinberg & Scandura, 2024). Premis bangunan surau pula terdiri daripada ruang solat utama, ruang solat wanita, berandah surau, menara, bilik imam, bilik bilal, bilik jenazah, bilik mesyuarat dan pejabat surau, tempat wudhuk, kolah, tandas lelaki dan tandas wanita, ruang dapur, ruang makan (jamuan), bilik stor, perparitan atau longkang, tempat parkir surau dan lain-lain yang berkaitan. Manakala peralatan dan kelengkapan surau pula terdiri daripada lampu, kipas, alat hawa dingin, alat siar raya (*PA system*), perabut, peralatan-peralatan elektrik, peralatan dapur, rak kasut, papan tanda arah, peti derma, pertmaidani, sejadah, telekung, kain dan pembidai, tong sampah, *pipng*, *wiring* dan sebagainya.

Ketua biro dan jawatankuasa infra-struktur premis serta peralatan dan kelengkapan surau perlu dipastikan dari segi kebolegunaan, keselamatan serta kebersihannya. Infra-struktur premis serta peralatan dan kelengkapan merupakan asset-asset surau. Justeru pihak surau perlu memastikan segala asset-asset hak milik surau didokumentasikan; dikod dan direkodkan di dalam buku daftar asset surau. Ianya bagi memudahkan pihak surau mengawal selia asset-asset

tersebut dalam menjaga dan menukar ganti yang rosak atau pelupusan. Kawal selia yang baik dan sistematik ke atas infra-struktur premis serta peralatan dan kelengkapan surau akan menjamin jangka hayat asset-asset tersebut menjadi lebih panjang, dapat digunakan lebih lama dan tidak mudah mengalami kerosakan yang teruk.

Selain itu, surau hendaklah dijadikan sebagai tempat yang bersih infra-struktur premis serta peralatan dan kelengkapannya. Kebersihan premis serta peralatan dan kelengkapan di bahagian dalaman surau perlu sentiasa dijaga dengan baik kerana ia adalah ruang utama di mana ahli jamaah bersolat dan juga beribadah. Ruang utama surau perlu dipastikan tiada kotoran, najis tahi cicak dan sebagainya dengan sentiasa dibersihkan dan divakum dari masa ke semasa. Kebersihan dan keselesaan premis serta peralatan dan kelengkapan di bahagian luar seperti tandas surau juga perlu sentiasa terjaga dalam keadaan baik. Secara asasnya setiap tandas mempunyai penyelaknya, flask tandas yang berfungsi, selipar tandas di samping terdapat sabun pada setiap tandas untuk tujuan *hygin*.

Untuk lebih memudahkan jemaah surau yang berusia dan kurang upaya, pihak surau juga perlu menyediakan kemudahan infra-struktur untuk warga emas dan orang kurang upaya seperti kerusi roda, tempat letak kenderaan khas, tempat mengambil wuduk khas, tandas khas dan laluan khas yang sesuai di sebelah tangga surau. Pihak surau juga perlu disarankan untuk meletakkan papan tanda dan tanda tunjuk arah seperti dewan solat utama, tempat wudhu dan tandas lelaki, ruang solat wanita serta tempat wudhu dan tandas wanita. Perkara-perkara tersebut sangat membantu terutamanya kepada jemaah luar yang singgah untuk bersolat di surau tersebut. Pihak surau juga boleh dicadangkan untuk memaparkan carta struktur organisasi ahli jawatankuasa surau yang terkini dan jadual program atau aktiviti surau untuk kebaikan semua jemaah. Maklumat program dan aktiviti surau amat bermanfaat untuk memacu keterlibatan jemaah surau dengan program dan aktiviti surau.

Mentoring tadbir urus keceriaan (*cheerfulness governance*) surau

Ketua biro atau ketua jawatankuasa keceriaan masjid boleh menjadi mentor dengan membimbing ketua biro dan jawatankuasa keceriaan surau sebagai menteenya. Ianya adalah untuk merancang dan mengendalikan program dan aktiviti keceriaan surau supaya menjadi lebih cantik dan selesa. Keceriaan melibatkan suasana keselesaan serta mendamaikan yang terdapat pada infra-struktur bahagian dalaman dan luaran premis serta lanskap premis (Md. Saufi, et al., 2024). Di samping infra-struktur premis serta peralatan dan kelengkapan yang baik, setiap surau juga perlu kepada suasana keceriaan di bahagian dalaman, luaran premis dan persekitaran halaman yang bersih, cantik dan menarik untuk keselesaan jemaah beribadah. Keceriaan surau yang menarik dan mendamaikan merupakan salah satu daya tarikan yang sangat baik untuk menarik lebih ramai jemaah datang beramal ibadah di surau.

Jadikan premis dan lanskap surau kelihatan indah dan menarik bagi pandangan masyarakat di samping mesra jemaah sama ada yang tua atau muda. Suasana indah ,menarik, kemas dan teratur pada sesebuah surau merupakan daya penarik kepada masyarakat untuk datang mengunjunginya. Pelbagai prasarana serta lanskap dengan keceriaan yang selesa dan menarik melalui penyediaan suasana lebih kondusif, akan saling menyokong untuk menarik lebih ramai ahli qariah untuk solat berjemaah, beramal ibadah serta melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti lain di surau. Oleh yang demikian, melalui bimbingan biro dan jawatankuasa keceriaan masjid, usaha-usaha untuk memperindahkan serta memperkembangkan premis dan lanskap surau boleh dilaksanakan dengan baik oleh jawatankuasa keceriaan surau.

Sebagai contoh, antara perkara yang mungkin boleh dilakukan ialah pemilihan warna cat untuk bahagian dalaman dan luaran premis surau yang sedap mata memandang dan menenangkan jiwa. Keceriaan tandas surau juga perlu diberi perhatian. Tandas surau perlu sentiasa bersih, tidak berbau busuk serta diceriakan dengan pokok bunga hiasan yang cantik. Selain daripada itu, halaman surau juga perlu diambil kira dan diberikan perhatian berkaitan keceriaan persekitaran serta lanskapnya. Ianya bukan hanya ditanam dengan pelbagai pokok hortikultur hiasan dan tumbuhan yang cantik dan menarik, bahkan perlu sentiasa dalam keadaan bersih tanpa sampah-sarap yang bertaburan. Untuk rekabentuk landskap yang baik, ianya boleh dibuat pada sesuatu kawasan dan persekitaran samada membina rekabentuk baru ataupun dari semasa ke semasa menambahkan dan mengubahsuai kawasan sedia ada dengan memelihara dan memperindahkan elemen-elemen semulajadinya.

Di antara lain, elemen-elemen lanskap ialah pokok, jambatan, kolam mini, wakaf, pancutan air, arca, tiang lampu, kolam mini, tempat duduk dan lain-lain (Rodriguez, 2025). Manakala klasifikasi tanaman hiasan pula ialah seperti pokok naungan dan pinggir jalan, pokok hiasan, pokok renek, tumbuhan memanjat dan menjalar, pokok palma, pokok kaktus, rumput penutup bumi. Walaubagaimanapun, aktiviti perlandskap memerlukan bukan sahaja kemahiran dan pengalaman dari aspek pengurusan penanaman tumbuhan. Bahkan ianya juga berkaitan dengan aktiviti mengekalkan keindahan berterusan lanskap tersebut seperti pengairan, pembajaan, pemangkasan, kawalan penyakit dan serangga tumbuhan.

Justeru, untuk memastikan bahagian dalam dan kawasan luar surau sentiasa dalam keadaan ceria, bersih dan cantik, pihak surau boleh;

- bersama-sama jemaah surau qariah tersebut melaksanakan aktiviti gotong-royong kebersihan dan keceriaan surau secara berkala; seperti setiap satu atau dua bulan sekali.
- mengadakan kerjasama gotong-royong keceriaan yang melibatkan organisasi atau pertubuhan kemasyarakatan (NGO).
- menyediakan peralatan pembersihan dan penyelenggaraan surau yang mencukupi.
- menyediakan jadual giliran pembersihan dan penyelenggaraan surau di kalangan ahli kariah.

Mentoring tadbir urus teknologi informasi dan komunikasi serta media sosial (*information, communication technology and social media governance*) surau

Ketua biro atau ketua jawatankuasa teknologi informasi dan komunikasi (ICT) serta media sosial (medsos) masjid boleh menjadi mentor dengan membimbing ketua biro dan jawatankuasa ICT serta medsos surau sebagai menteenya. Biro tersebut adalah untuk merancang dan mengendalikan program dan aktiviti pembangunan dan pengurusan ICT serta medsos surau supaya menjadi lebih baik, bersistematik dan berkesan (María, et al., 2024). ICT ialah kesepaduan teknologi maklumat dalam mengkomunikasikan informasi yang membolehkan masyarakat mengakses, menyimpan dan menghantar maklumat. Manakala medsos pula merupakan satu gerbang revolusi media yang menggabungkan pelbagai platform media sosial sebagai mediumnya. Di antara contoh media sosial yang popular penggunaannya pada masa kini terdiri daripada rangkaian sosial seperti *Facebook*, *Twitters*, *Instagram*, *Youtube* dan *Tik Tok* (Choudhary, et al., 2024).

ICT dan medsos merupakan teknologi yang amat membantu dalam pentadbiran sesebuah organisasi atau institusi di mana ianya dengan mudah mampu menyebar luaskan informasi kepada masyarakat (Zarkasi, et al., 2025). Justeru, ICT serta medsos amat membantu dan


memudahkan kerja-kerja pejabat, pentadbiran, dakwah, pengkalan data ahli qariah dan komunikasi penyebaran maklumat berkaitan isu-isu dan situasi semasa dengan ahli qariah surau. Lantaran itu, ICT dan medsos mampu memberi kesan baru kepada pihak surau untuk lebih aktif berinteraksi dengan pelbagai khalayak masyarakat qariah surau dalam menyampaikan maklumat-maklumat terkini surau. Tambahan pula, masyarakat di setiap peringkat umur sama ada remaja, dewasa mahupun warga emas, sangat kerap menggunakan medsos setiap hari untuk berinteraksi dan mendapatkan maklumat semasa yang berkaitan dengan perkara-perkara kehidupan seharian.

Teknologi ICT dan medsos mampu mendedahkan kewujudan sesebuah surau serta menyokong aktiviti-aktiviti surau di dalam dunia siber. Justeru, kombinasi ICT dan medsos merupakan satu bentuk interaktif dalam kehidupan masyarakat kerana membolehkan masyarakat berkumukasi tanpa perlu bersemuka. Ianya merupakan medium yang boleh memberi impak positif dengan menggalakan keterlibatan masyarakat dengan surau melalui penyampaian dakwah, perkongsian maklumat dan pembelajaran secara kreatif dan berkesan. Di samping itu, pertambahan bilangan pengguna medsos yang tinggi dari masa ke semasa dan juga peningkatan tempoh masa penggunaan medsos dalam kalangan masyarakat di negara ini, merupakan faktor penyumbang yang signifikan kepada kelestarian teknologi ICT dan medsos dalam mengimarahkan surau qariah.

Medsos dilihat lebih menonjol berbanding media tradisional kerana medsos mempunyai ciri-ciri rangkaian digital, capaian global dan interaktiviti di samping menggabungkan semua elemen komunikasi yang penting iaitu lisan, tulisan, visual, data dan bunyi. Melalui bantuan jawatankuasa ICT serta medsos masjid, pihak surau bakal berkemampuan untuk memanfaatkan kelebihan ICT dan medsos dengan lebih cekap dan berkesan. Ianya sangat membantu dalam membawa sesebuah surau menuju ke arah *smart* surau.

Mentor: Masjid qariah

Mentee: Surau qariah - Pemakmuran & pengimarahkan



Gambar rajah 4.1 Mentoring masjid-surau; Pemakmuran & Pengimarahkan surau qariah

KESIMPULAN

Mentoring masjid-surau merupakan program yang sangat bermanfaat kepada kedua-dua belah pihak, samada masjid mahupun surau. Kerana ianya merupakan suatu usaha yang sangat relevan dalam membentuk situasi menang-menang (*win-win situation*) di antara masjid dan

surau-surau qariah. Mentoring masjid-surau adalah untuk membantu memakmurkan serta mengimarahkan surau-surau qariah dengan aktiviti amal ibadah. Selain itu, mentoring masjid-surau juga bertujuan untuk membantu pihak jawatankuasa surau qariah mentadbir surau samada berkaitan dengan kesetiausahaan, perakaunan atau kewangan surau. Tambahan lagi, mentoring masjid-surau adalah untuk membantu pihak jawatankuasa surau qariah mengurus aktiviti-aktiviti surau dengan lebih baik, cekap dan berkesan. Aktiviti-aktiviti surau tersebut termasuklah program dakwah, program kemasyarakatan, pembangunan dan pengurusan infra-struktur, keceriaan surau, teknologi informasi dan komunikasi serta media sosial surau. Justeru pada akhirnya, yang tersirat tujuan aktiviti mentoring masjid-surau merupakan satu strategi pihak masjid untuk mengimarahkan surau yang berterusan dan berkekalan oleh ahli qariah surau. Bila mana surau-surau qariah adalah makmur dan diimarahkan oleh jemaah qariah, tidak mustahil ianya juga boleh membawa impak positif dalam pemakmurkan masjid qariah. Masyarakat yang mengimarahkan dan memakmurkan surau-surau qariah Insya-Allah akan mudah juga untuk mengimarahkan dan memakmurkan masjid qariah. Justeru pihak masjid di setiap qariah perlu memainkan peranan yang proaktif dan sewajarnya sebagai mentor dalam menjalankan tugas dan tanggung jawab memberikan mentoring kepada surau-surau qariah dalam usaha mengimarahkan dan memakmurkan surau-surau qariah.

RUJUKAN

- Asdianur, H., Roni, N. & Nurmawan. (2025). Islamic Mentoring at Masjid Syamsul Ulum: A Character Building Strategy for Telkom University Students Based on HEI Values. *Urwatul Wutsqo: Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman*, 14(2).
- Azarudin, A., & Azman, C.M., Che Zuina, I.B., Wan Noor Hazlina, W.J. & Norhana, N.A. (2019). Dakwah melalui program mosque tour guide berasaskan ilmu perbandingan agama di Masjid Kristal. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 6 (Special Issue), 55-65.
- Choudhary, P., Ali, I., Rehman, K., Sharma, K., Borasi, M. & Bhargava, P. (2024). Enhancing Mentorship through Technology: A Comprehensive Review of Current Practices and Future Directions. *International Journal of Multidisciplinary Research and Growth Evaluation*, 5(6), 634-645.
- Crespi, P., García-Ramos, J.M. & González, J.L. (2025). Impact of an integral mentoring program on the development of personal competencies. *Cogent Education*, 12(1), 1-19.
- Fildzah, A. & Makrufi, A.D. (2024). Islamic Mentoring: Implementation and Impact of Mentoring Activities at Muhammadiyah Junior High School Yogyakarta. *Journal of At-Taqqaddum*. 16(1). DOI: <http://dx.doi.org/10.21580/at.v16i1.20683>
- Hadi, S. (2024). Strengthening Religious Moderation Among the People of Madura through Religious Mentoring Activities. *Jurnal Islam Nusantara*, 8(1), 57-72.
- Hansen, M., Sheffield, S.L.M., Santucci, A. & Roeland, R.V.D. (2025). Transcending hierarchies: Mentorship as reciprocal growth. *International Journal for Academic Develoment*, 30(2), 137-142. <https://doi.org/10.61100/adman.v2i1.129pg.337>.
- Hisham, N. & Ab Wahid, H. (2024). The Strenght of Islamic Value in Mentoring Entrepreneurs Among Lect. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 10(1), 26-36.
- Jennifer, P., Wisdom, C.D., Morrow, J.G., Stone, S. Domsy, S. & Heiser, D. (2025). Perspectives of Mentors on Mentoring: A Scoping Review of Benefits and Challenges. *The Clinical Teacher*, 22(3), <https://doi.org/10.1111/tct.70101>
- Kyle, J., Mann, K., Roach, N. & Kimberly, E.O'Brien. (2023). Mentoring as an Investment: A Quantitative Review of Mentoring and Well-Being for the Protégé. *Journal of Career Develoment*, 50(2).

- Laura, L.Z. (2020). Mentoring reality: from concepts and theory to real expertise and the mentor's point of view. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education* © Emerald Publishing Limited.
- María J.R., Macarena, R.M. & Miriam, A.H. (2024). Peer mentoring experience related to information and communication technologies. A qualitative study. *Nurse Education Today*, 142, 1-9.
- Maunula, M., Maunumäki, M. & Lähdesmäki, S. (2025). The connection between Mentoring, Continuous Learning and Sustainability. *Athens Journal of Education*, 12(2), 187-204.
- Md. Saufi, A.H., Noor Syahidah, M.A., Farahdina, F., Sakinatul Raadiyah, A., Ahmad Yumni, A.B. & Mohd Muhaizam, M.I. (2024). Peranan masjid dalam memacu pemerkasaan komuniti melalui tanggungjawab sosial korporat di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9(67) Special Issue, 184-195.
- Mullen, C.A. & Klimaitis C.C. (2021). Defining mentoring: a literature review of issues, types, and applications. *Ann N Y Acad Sci Journal*, 14 (1),19-35.
- Murray, D.E., Christison, M. (2023). Peer Mentoring and Coaching as Tools for Leadership Development and Learning. In: Reinders, H. (eds) Language Teacher Leadership. New Language Learning and Teaching Environments. *Palgrave Macmillan, Cham*. https://doi.org/10.1007/978-3-031-42871-5_7
- Nurdin K. (2025). The Transformation of Islamic Religious Education Teachers' Creativity through School Supervisor Mentoring. *Journal of Indonesian Islamic Studies*. 4(2), 120-137.
- Parsloe, E. (2024). Hy building a mentoring culture can be transformational. *Strategic HR Journal*, 23(3), 105-109. <https://doi.org/10.1108/SHR-01-2024-0005>
- Rodriguez, A.M. (2025). Mentoring Across the Professional Spectrum: Doing the fundamental work to get to the next level. *Intellectual & Developmental Disabilities*, 63(5), 363-369.
- Sabila N.A., Muhammad Ja'far, N. & Joko, S. (2025). Pengaruh Mentoring Rohani Islam Dan Karakter Religius Terhadap Hasil Belajar Siswa. *Jurnal Al-Abshor: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 2(2).
- Silver J.K, & Gavini N. (2023). The Push-Pull Mentoring Model: Ensuring the Success of Mentors and Mentees. *Journal of Medical Internet Research*. doi: 10.2196/4803
- Suid S., Dany S., Abdul Holik, S., Nadya Huda. & M Zainul, A.H. (2025). Developing a Mentoring Program for Shaping Students' Islamic Character. *Nazhruna: Jurnal Pendidikan Isla.,* 8(1), 195-213. DOI: <https://doi.org/10.31538/nzh.v8i1.120>
- Steeple, M. (2024). The power of coaching and mentoring. *BDJ Team, London; Nature Publishing Group*, 11(1), 34-35. DOI:10.1038/s41407-024-2056-x
- Taylor, T.A. (2018). Exploring Ethical Mentorship as Leadership Within an Islamic Ethic of Care. *Journal of Women and Gender in Higher Education*, 12(1), 58-69.
- Weinberg F.J. & Scandura, T. (2024). Advancing the future of workplace development: Integrative approaches to mentoring and coaching. *Journal of Managerial Psychology*, 39(6), 832-843.
- Yani, A., Suherlan, K.H. & Azzaakiyyah, H.K. (2024). The Importance of Mentorship in Stimulating the Growth and Success of Entrepreneurial Business Entities. *Journal of Contemporary Administration and Management*, 2(1), 337-342.
- Zarkasi, Raziki, W. & Fachrurazi. (2025). Strategic Role of Principals in Islamic Digital-Based Human Resource Management. *Nidhomul Haq: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 10(2), 459-473.